

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Dasar Gaji Progresif berdasarkan acuan Ekonomi MADANI

Dasar Gaji Progresif berdasarkan acuan Ekonomi MADANI

Pelaksanaan dibuat secara kolektif ke arah pembangunan lebih baik pasaran buruh

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Bangi: Dasar Gaji Progresif yang sedang dibangunkan negara tidak mengikuti struktur dilaksanakan negara lain, sebaliknya berdasarkan kepada acuan Malaysia mengikut komponen Ekonomi MADANI.

Ketua Perangkawang, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata dasar itu dapat meningkatkan gaji pekerja yang ketika ini berkisar kepada 32.4 peratus, iaitu sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Semua berperanan menghasilkan dasar komprehensif merangkumi pihak industri dan penggubal dasar, termasuk pakar akademik serta penyelidik. Pembiitan semua pihak sedang dilaksanakan kerajaan dengan harapan, dasar ini dapat dilaksana dengan lebih menyeluruh."

"Kertas dasar sudah diluluskan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebelum ia dibentangkan di Parlimen pada sesi berikutnya," katanya ketika hadir sebagai ahli panel Seminar Dasar Gaji Minimum Ke Arah Gaji Progresif dan Ekonomi MADANI di sini, semalam.

Seminar anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut menampilkan Canselor University of Cyberjaya yang juga Ahli Majlis Perundungan Gaji Negara (MPGN), Prof Emeritus Tan Sri Anuwar Ali; Ahli MPGN, Prof Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdur Rashid; Pengurus Workers Institute of Empowerment Selangor (WISE), Syed Shahir Syed Mohamad dan Penasihat Khas PSSM, Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Rahman Embong. Presiden PSSM, Prof Dr Sity Daud bertindak sebagai moderator.

Pada Mei lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kerajaan sedang menerlihat secara dasar sistem gaji progresif di negara ini dengan perbincangan serta proses libat urus mengejarnya sudah bermula membabitkan pelbagai sektor.

Katanya, dasar atau model gaji progresif akan dibangunkan secara bersama membabitkan Kementerian Ekonomi, Kementeri-

an Kewangan (MOF); Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Kementerian Sumber Manusia (KSM).


Sistem gaji progresif ialah peralihan daripada model pemberian upah minimum kepada kenaikan gaji berperingkat dan berfasa supaya ia setanding pertumbuhan ekonomi negara.

Pada Ogos, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kabinet akan membincangkan Dasar Gaji Progresif bagi memperhalus pelaksanaannya secara berperingkat.

Anwar berkata, ia juga bagi meneroka keperluan memperturunkan dana sebagai insentif dasar yang akan ditentukan mengikut kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

Bulan lalu, Rafizi berkata, Dasar Gaji Progresif dijangka dilaksanakan pada April atau Mei tahun depan dan peruntukan kewangannya akan dimasukkan dalam Belanjawan 2024, yang akan dibentangkan Oktober ini.

Komitmen kerajaan - memacu pasaran buruh turut mendapat sokongan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) yang menyokong sepenuhnya pelaksanaan Dasar Gaji Progresif. Penganalisis tempatan turut menyatakan, pelaksanaan Dasar Gaji Progresif adalah usaha amat produktif membantu Malaysia



Sumber: CEIC Data Global Database:
(Kadar-mata wang pada: Ogos 2023) MBL, DOSM
pengiraan gaji sejauh Malaysia

muncul negara berdaya saing dan mencapai status negara berpendapatan tinggi, sejarah kerangka Ekonomi MADANI.

Pulih pasaran buruh

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dibuat secara kolektif ke arah pembangunan lebih baik pasaran buruh selepas Dasar Gaji Minimum dilaksanakan.

"Dasar Gaji Minimum dilaksanakan negara ketika ini memberi kesan positif kepada pekerja tidak mahir, namun tidak bagi pekerja separa dan mahir. Justeru, Dasar Gaji Progresif ini perlu dan ia dijangka menyelaras gaji pekerja dengan berstruktur dan beransur-ansur."

"Dasar ini berlandaskan kemahiran dan produktiviti pekerja, di mana pampasan pekerja yang lebih adil, saksama dan inklusif."

"Ia mampu menghasilkan pemulihran pasaran buruh dengan

gaji meningkat dan pengagihan lebih seimbang. Justeru, ia memerlukan kerjasama tiga pihak laiu majikan, pekerja dan kerajaan untuk melancarkan pelaksanaannya kelak," katanya.

Beliau menjelaskan, Dasar Gaji Progresif dilaksanakan di Singapura bermula September 2014 memberikan hasil membangangkan kepada pasaran buruh negara jiran terbatik.

"Singapura laksana lebih awal babitkan sektor peruncitan dan ia dilaksana secara sukarela dengan peringkat permulaan kerajaan bagi insentif. Lama-kelamaan keseimbangan dapat dicapai oleh pasaran buruh Singapura."

"Apabila pasaran secara automatik menyelaras peningkatan gaji dengan produktiviti, insentif yang disalurkan kerajaan boleh dihentikan apabila keseimbangan dapat dicapai. Ia juga dapat menggalakkan sektor lain turut serta," katanya.